

U B937 BAH
MAHATHIR - KABINET

KUALA LUMPUR, 22 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU AKAN MENCARI JALAN UNTUK MEMBOLEHKAN NEGERI KELANTAN MEMPUNYAI WAKIL DALAM KABINET YANG AKAN DITUBUHKAN KELAK.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MEMIKIRKAN CARA UNTUK MENGATASI SOAL PERLANTIKAN WAKIL DALAM KABINET EKORAN KEKALAHAN SEMUA CALON BARISAN NASIONAL UNTUK KAWASAN PARLIMEN DI KELANTAN.

+DENGAN KEKALAHAN SEMUA CALON-CALON PARLIMEN BN DI KELANTAN MAKA KABINET TIDAK AKAN MEMPUNYAI WAKIL-WAKIL DARI KELANTAN. SAYA AKAN FIKIR TENTANG APA CARANYA UNTUK MENGATASI MASALAH ITU. KITA TIDAK INGIN MEMBOLOT SEMUA TEMPAT SEHINGGA ADA NEGERI YANG TIDAK MEMPUNYAI WAKIL DALAM KABINET,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL (BN) BERKATA DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI SELEPAS BARISAN NASIONAL (BN) MEMPEROLEHI DUA PERTIGA KERUSI DEWAN RAKYAT PADA PILIHAN RAYA UMUM SEMALAM.

PERDANA MENTERI BERKATA KABINET AKAN DIBENTUK SEBERAPA SEGARA DAN SECEPAT YANG DIPERLUKAN. -- LAGI.
0655MST 22 10 90

MAHATHIR - KABINET 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KEPERLUAN ITU TIDAKLAH BEGITU MENDESAK KERANA KETIKA INI MASIH TERDAPAT KERAJAAN SEMENTARA.

+KITA AKAN BENTUK (KABINET) APABILA SAHAJA KITA DAPAT MEMBETULKAN BEBERAPA SOAL. APA JUA PERSOALAN AKAN DIBINCANGKAN BERDASARKAN SEMANGAT BN,+ KATANYA DAN MENAMBAH BELIAU AKAN BERUNDING DENGAN PARTI-PARTI KOMPONEN TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA.

BELIAU JUGA MENOLAK KEMUNGKINAN BERLAKUNYA PERUBAHAN BESAR DALAM KABINET, KERANA MENURUTNYA, KEBANYAKAN MENTERI TELAH MENUNJUKKAN PRESTASI KERJA YANG BAIK.

+SAYA BERPENDAPAT BANYAK MENTERI YANG DUDUK DALAM KABINET TELAH MENUNJUKKAN PORESTASI YANG BAIK. JUSTERU ITU KITA TIDAK AKAN SENGAJA MENGADAKAN 'MUSICAL CHAIRS'+ TAMBAHNYA.

MENGENAI KEMENANGAN PEMBANGKANG DI KELANTAN DAN SABAH, BELIAU MENAFIKAN ANGGAPAN KONONNYA KEKALAHAN BN DI NEGERI BERKENAAN DISEBABKAN DASAR-DASAR KERAJAAN, TETAPI KERANA SENTIMEN KENEGERIAN DI KEDUA-DUA NEGERI ITU. -- LAGI.

0657MST 22 10 90

D441

R B942 BAH
MAHATHIR - KABINET 3 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, RAKYAT DI NEGERI-NEGERI YANG TIDAK MEMPUYAI SENTIMEN SEDEMIKIAN JELAS MENYOKONG KUAT DASAR-DASAR BN.

+KITA TIDAK KALAH. KITA KALAH BUKAN KERANA DASAR, KITA KALAH KERANA PERASAAN PAROCHIAL YANG TERDAPAT DI KELANTAN DAN JUGA DI SABAH,+ KATANYA DAN MENJELASKAN BAHAWA KEKALAHAN DI KELANTAN JUGA DISEBABKAN PERANAN SESETENGAH PEGAWAI KERAJAAN YANG TIDAK BERSIKAP BERKECUALI DALAM POLITIK.

+KITA TAHU PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MEMAINKAN PERANAN PENTING UNTUK MENGALAHKAN BN DAN KITA AMAT SEDIH DENGAN PERBUATAN INI KERANA IA MELANGGAR CARA-CARA DEMOKRASI KITA YANG MANA PIHAK PENTADBIR HENDAKLAH BERKECUALI DARIPADA SEGALA KEGIATAN POLITIK,+ KATANYA.

MENGENAI PARTI SEMANGAT 46, BELIAU BERPENDAPAT PARTI ITU SEBENARNYA TIDAK ADA PENGARUH MALAH TIDAK MENDAPAT PERTOLONGAN DARIPADA RAKAN-RAKAN PEMBANGKANGNYA.

KATANYA, PERANAN SEMANGAT 46 YANG KETARA PADA PILIHAN RAYA INI HANYALAH UNTUK MEMBERI KEMENANGAN KEPADA PAS, DAP DAN PARTI BERSATU SABAH (PBS). -- LAGI.

0827MST 22 10 90

D442

R B943 BAH
MAHATHIR - KABINET 4 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEPUTUSAN PILIHAN RAYA INI MENUNJUKKAN BAHAWA SOAL MENGHIDUPKAN UMNO LAMA TELAH SELESAI, BELIAU BERKATA: +MEMANG DAH SELESAI LAMA CUMA ANGAN-ANGAN DAN MIMPI 46 SAHAJA YANG TIDAK SELESAI.+

BERHUBUNG PRESTASI PARTI-PARTI KOMPONEN BN TERUTAMA GERAKAN DI PULAU PINANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA GERAKAN TELAH MENUNJUKKAN PRESTASI YANG BAIK WALAUPUN ADA MENGALAMI KEKALAHAN.

+KADANG-KADANG KITA BUAT YANG BAIK PUN, UMPAMANYA MENJADIKAN PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN, SEBAGAI SATU PUSAT INDUSTRI, ORANG MENOLAK JUGA KERAJAAN. TETAPI ITU TIDAK BERMAKNA BAHAWA MEREKA TIDAK SUKA KEPADA PELANCONGAN ATAU PUN INDUSTRI ELEKTRONIK,+ KATANYA.